



Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia
Aras 3, Blok E8
Kompleks Pejabat Kerajaan Parcel E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 6148
03-8884 6149
Faks: 03-8889 4548

Ruj Kami : KP.BT. 600/8822/(13)

Tarikh : 14 Mei 2013

Semua Pengarah Pelajaran
Jabatan Pelajaran Negeri
Jabatan Agama Islam Negeri

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT SIARAN SKIM PINJAMAN BUKU TEKS SPBT:
PENGECUALIAN PEMULANGAN BUKU AKTIVITI SEKOLAH RENDAH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas,

2. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ingin memaklumkan bahawa terdapat beberapa judul buku teks di bawah SPBT yang dibekalkan secara pakej iaitu buku teks dan buku aktiviti. Kesemua buku teks dan buku aktiviti ini perlu dipulangkan pada akhir tahun sesi penggal persekolahan kerana pakej buku tersebut adalah dibekalkan secara pinjaman.

3. Walau bagaimanapun, dalam hal ini didapati buku-buku aktiviti yang dipulangkan tidak dapat digunakan pada tahun berikutnya atas faktor-faktor seperti berikut:

- 3.1 Buku aktiviti telah digunakan oleh murid sebagai latihan bertulis dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- 3.2 Halaman buku aktiviti banyak diceraikan kerana bahan grafik sering digunakan oleh murid untuk aktiviti mata pelajaran lain yang berkaitan.
- 3.3 Buku aktiviti digunakan sebagai bahan bukti di dalam Penilaian Berasaskan Sekolah (PBS)

4. Justeru, Mesyuarat Profesional KPM telah mengambil keputusan bahawa buku-buku aktiviti tersebut **tidak perlu dipulangkan** kepada pihak sekolah pada hujung tahun penggunaan dan hendaklah diberikan terus kepada murid. Ketetapan ini adalah dengan mengambil kira persetujuan daripada pihak Arkib Negara yang mengkategorikan buku aktiviti sebagai rekod awam yang tidak perlu dipulangkan atau dibuat pelupusan.

5. Selaras dengan ini, pihak pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) sekolah hendaklah melaksanakan ketetapan ini berkuat kuasa pada 1 Jun 2013.

6. Pihak YBhg. Datuk/Tuan/Puan adalah dipohon mengambil tindakan sewajarnya dan memaklumkan kandungan surat siaran ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di Jabatan Pelajaran Negeri, Pejabat Pelajaran Daerah dan semua Guru Besar di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Tuan/Puan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATUK DR. AMIN BIN SENIN)

Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
Kementerian Pelajaran Malaysia

s.k.;

1. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YAB Menteri Pelajaran Malaysia
2. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia I
3. Setiausaha Sulit Kanan kepada
YB Timbalan Menteri Pelajaran Malaysia II
4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
5. Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
6. Timbalan-timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pelajaran Malaysia
7. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Pembangunan Profesionalisme Keguruan)
8. Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
(Operasi Pendidikan)
9. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia
Kementerian Pelajaran Malaysia
10. Ketua-Ketua Bahagian
Kementerian Pelajaran Malaysia
11. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pelajaran Malaysia
12. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pelajaran Malaysia